

mangsa sindiket, Zuraida berkata kes 'ah long' adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bagaimanapun katanya, jika ada Kredit Komuniti yang tidak mengikut peraturan, mereka akan dikenakan kompaun RM5,000 bagi setiap kesalahan.

Katanya, dari 2017 hingga 2019, sebanyak 1,416 aduan membabitkan Kredit Komuniti direkodkan, yang mana 469 kes membabitkan pertuduhan di mahkamah, 291 kes dikenakan kompaun dan 299 kes tiada tindakan lanjut.

"Bagaimanapun, kes ini lebih kepada kesalahan pentadbiran seperti tidak menghantar rekod, tiada dokumen dan sebagainya," katanya.